

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah bangunan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar untuk kegunaan klinik-klinik pakar seperti klinik pakar dada, klinik pakar ENT dan sebagainya.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Hospital Sultanah Fatimah Muar merupakan salah satu hospital pakar major di negeri Johor yang mempunyai kadar penggunaan katil yang tinggi (*Bed occupancy rate* mencecah 74%). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum keperluan untuk menaiktaraf hospital ini memandangkan pertambahan beban kerja dan pesakit yang semakin ramai. Sehubungan dengan itu, KKM telah mengemukakan cadangan pembinaan sebuah Kompleks Rawatan Harian (ACC) Hospital Sultanah Fatimah, Muar telah dikemukakan sebagai salah satu projek untuk dilaksanakan di dalam *2<sup>nd</sup> Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11). Pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Skop projek ACC ini merangkumi kemudahan klinik pakar (termasuk klinik ENT, klinik respiratori dan lain-lain), wad rawatan harian, unit hemodialysis, rehabilitasi dan perkhidmatan sokongan yang lain.

